

# Demokrasi dari kacamata Dr. M

oleh DR. MUNIR MAJID

KADANGKALA Dr. Mahathir dianggap bersifat 'authoritarian'. Beliau mengecam, memarahi, dan meletakkan batas-batas tegas bagi hak-hak perseorangan dan kumpulan dalam demokrasi Malaysia.

Mengapa? Mengapa, umpamanya, Kerajaan harus mengadakan pindaan-pindaan terhadap Akta Persatuan-persatuan?

Dari kaca mata Dr. Mahathir, jawapannya mudah. Mereka yang mahu menjalankan fungsi politik sewajarnya ialah memikul tanggungjawab dan kewajipan sebagai sebuah parti politik.

Tetapi, apakah tafsiran "politik"?

Menurut Dr. Mahathir, kita tidak patut gempar. Kedudukan setiap persatuan akan ditimbulkan berasingan, tanpa buru-buru. Persatuan-

persatuan yang sudah sedia ada janganlah mendahului persoaian itu dengan mengubah diri menjadi persatuan politik sekarang ini juga.

"Jika sesuatu persatuan mengkritik Kerajaan, tidaklah mesti ia mengubah diri jadi persatuan politik. Hanya bila pada keseluruhannya...dalam jangka waktu yang panjang...sesuatu persatuan itu menjalankan kempen dan terlibat secara mendalam dengan kegiatan-kegiatan politik, barulah persatuan itu mesti menganggap dirinya sebagai persatuan politik."

Menurut tafsiran ini, di mana kedudukan pertubuhan-pertubuhan seperti CAP (Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang)?

"CAP bukan persatuan politik. Kalau mereka mendesak supaya dasar luar negeri diubah, atau undang-undang dipinda, yang tidak ada kena mengena dengan hal ehwal pengguna... kalau mereka mengapungkan orang supaya menunjuk perasaan menentang Kerajaan, terpaksalah kami menganggap mereka persatuan politik.

"Tapi kalau mereka hanya menyoal mengapa harga gula mahal, itu tidaklah menjadikan mereka persatuan politik.

Bagaimana kalau CAP kata Kerajaan buat kesilapan tolot?

"Saya masih belum menganggapnya persatuan politik, kerana

Lihat muka 5  
ruangan 1

# Sistem lobi-melobi bentuk demokrasi paling buruk — Dr. Mahathir

Dari muka 4

Kerajaan cukup mampu menjawab...CAP tak tahu apa yang dicakapkannya."

Tetapi tentang Aliran Dr. Mahathir tidaklah begitu 'berihisan'.

"Mereka sajakah yang ada kelayakan akademik? Mereka sangka mereka sentiasa betul, pada hal mereka tidak memegang tanggungjawab menghadapi rakyat."

"Inilah yang Kerajaan tidak mahu. Orang buat ulasan yang mengenai Kerajaan, tapi orang itu tidak memegang tanggungjawab. Bagi persatuan politik, masa depannya bergantung pada komen-komentinya...kalau komen-komen itu tidak dapat diterima, gagalilah parti itu."

"Tapi mereka ini tetap dengan kedudukan mereka...tidak kehilangan sumber kekuatan mereka...Kerajaan kita bercorak demokrasi. Kalau mereka jujur merasakan sesuatu, bangkitlah, perjuangannya..."

"Bila orang yang tak mungkin kehilangan

suatu apa menyatakan sesuatu yang boleh menyebabkan seorang ahli politik itu tewas...ini tidak adil."

Tetapi, apakah salahnya menyatakan pendapat di khalayak ramai? Bukankah itu suatu hak demokrasi?

Dr. Mahathir: "Ya, tapi hanya di peringkat perseorangan. Kalau dibuat pertubuhan untuk menghilangkan kepercayaan kepada orang lain dalam sesuatu bidang, iaitu bidang politik, sudah lain persoalannya."

"Ini bukan pendapat umum. Ini serangan tersusun untuk mempengaruhi seluruh rakyat. Inilah tugas parti politik, mempengaruhi seluruh rakyat."

Jadi tidak boleh diadakan desakan menerusi kumpulan?

Di sini Dr. Mahathir menyerang balas: Sistem desakan menerusi kumpulan, sistem lobi melobi, adalah antara segi demokrasi yang paling buruk. Sistem ini menjamin bahawa sesuatu kumpulan kecil dapat mempengaruhi hal ehwal negara lebih dari yang patut memandangkan

bilangan mereka.

"Sistem lobi melobi di Amerika Syarikat sudah tidak dapat dikawal, hingga keputusan-keputusan dasar dibuat oleh segelintir orang yang dapat mempengaruhi orang-orang berkuasa. Kita tak mahu keadaan itu berlaku di sini."

Tidakkah ahli-ahli politik perlu tahu pendapat orang ramai, dan tidakkah pertukaran fikiran dan sebagainya memberi manfaat kepada mereka?

"Itu kami ada lakukan. Kami banyak memasang telinga. Kami dengar pendapat akhbar. Kami dengar ramai orang yang datang sendiri menyatakan pendapat. Orang-orang perseorangan di negara ini boleh menyatakan pendapat."

"Bila seseorang mengumpukan sebilangan rakyat di sekitarnya dan membimbing pendapat mereka, suaranya menjadi lebih berpengaruh daripada yang wajar."

"Dia boleh mempengaruhi Kerajaan dengan cara lain. Dia boleh merapati orang-

orang yang berkuasa dalam politik. Antara dia dengan orang itu saja. Jangan mempengaruhi orang ramai."

Yang paling menaik-

kan darah Dr. Mahathir ialah apabila sesuatu pertubuhan dalam negara ini mempengaruhi kuasa-kuasa di luar untuk mencipta imej buruk

negara ini supaya kehendaknya tercapai.

"Kenapa? Sebab pendapatnya tidak diterima. Bukan kerana tak boleh menyatakan pendapat."

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia